

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN BILIK MINDSPACE  
RENOVA**

**14 APRIL 2025 | ISNIN | 10.00 PAGI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN  
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL  
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Madya Dr. Masturah Ma'in**

Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik

Menjalankan Tugas-Tugas Dekan

Fakulti Pengurusan & Perniagaan

**YBrs. Profesor Madya Dr. Shahsuzan Zakaria**

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

**YBrs. Profesor Madya Dr. Nor Farradila Abd Aziz**

Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti & Alumni

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

**YBrs. Profesor Madya Dr. Amirul Afif Muhamat**

Mantan Timbalan Dekan

Penyelidikan & Inovasi

Merangkap Perintis Bilik MindSpace RENOVA

## **Barisan Ahli Jawatankuasa Program**

Warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi menyaksikan satu lagi pencapaian penting dalam usaha memperkasa budaya penyelidikan dan inovasi di fakulti ini.

2. Saya amat berbesar hati diberikan kesihatan, ruang masa dan kesempatan untuk hadir ke majlis yang penuh bermakna ini bagi **merasmikan Bilik MindSpace RENOVA (REsearch & InNOVAtion)** – sebuah inisiatif yang bukan sahaja akan memberi manfaat besar kepada fakulti, malah kepada dan UiTM secara keseluruhannya.
3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak fakulti atas usaha ini.

**Hadirin yang dihormati,**

4. Kita maklum bahawa penyelidikan adalah tunjang kepada perkembangan ilmu dan kemajuan akademik.
5. Justeru, dengan wujudnya Bilik MindSpace, kita menyediakan satu ruang yang kondusif bagi para penyelidik, pensyarah, dan pelajar untuk

berbincang, bertukar idea, serta menjalinkan kolaborasi dalam usaha memperkaya ekosistem penyelidikan fakulti.

6. Saya melihat inisiatif mewujudkan bilik ini bukan sekadar sebuah ruang fizikal, tetapi juga sebagai satu simbol komitmen fakulti dan universiti dalam menggalakkan budaya ilmu yang lebih dinamik dan produktif.
7. Saya berharap, Bilik MindSpace akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
8. Ini sejajar dengan aspirasi UiTM untuk terus berkembang sebagai institusi yang unggul dalam dunia akademik dan penyelidikan.
9. Sekali lagi, jutaan tahniah diucapkan kepada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan kerana terus

komited dalam membantu pengembangan penyelidikan dan inovasi.

10. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat, – semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan diperluaskan lagi pada masa akan datang.

11. Akhir kata, saya berharap Bilik MindSpace akan terus menjadi pusat kecemerlangan ilmu dan penyelidikan bagi fakulti ini.

Bilik MindSpace dibuka luas,  
Ruang berinovasi tanpa batas.  
Penyelidikan diperkasa, ilmu dijulang,  
Maju membentuk UiTM gemilang.

12. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Bilik MindSpace RENOVA, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Selangor.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**